

KOLABORASI PENYELIDIKAN ANTARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN (UiTM) DAN QATAR UNIVERSITY (QU)

PROF. MADYA DR. MAHERAN ZAKARIA

Pada awal tahun 2023, Qatar University (QU) telah menawarkan geran sepadan kepada warga UiTM. Saya bersama rakan fakulti, Profesor Madya Dr. Marziana Madah Marzuki dan Dr. Wan Zurina Nik Abdul Majid antara yang memohon geran sepadan ini. Alhamdulillah, kami berjaya mendapat geran tersebut di mana pembiayaan dari UiTM adalah RM50,000, dan pihak QU pula membiayai sebanyak USD90,000 bagi tempoh bermula 1.6.2023 dan berakhir 31.5.2025.

Universiti Qatar ialah sebuah universiti penyelidikan awam yang terletak di Doha, Qatar. Ia diasaskan pada tahun 1973 dan menawarkan pelbagai program sarjana muda dan siswazah dalam pelbagai bidang pengajian. Universiti ini terkenal dengan penekanan yang kuat terhadap penyelidikan dan inovasi, serta komitmennya untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi kepada pelajarannya.



Rakan kolaborasi kami di QU terdiri dari tiga pensyarah kanan di "College of Business and Economics". Mereka adalah Associate Professor Dr. Sameh Ammar, Associate Professor Dr. Abdulsamad Alazzani dan Dr. Ousama Anam, Abdulsamad Alazzani. Kami sentiasa berhubung melalui email, Microsoft Team dan media sosial iaitu WhatsApp. Setiap dua minggu kami akan membentangkan kemajuan penyelidikan. Pada Januari 2023, rakan kolaborasi kami telah menjemput kami ke sana untuk membuat perbincangan dengan lebih terperinci. Kami juga dijemput untuk melawat tempat penyelidikan iaitu usahawan kecil wanita yang berniaga di Soud Waqif, Doha, Qatar.

Kami menyambut pelawaan mereka dan setelah mendapat kelulusan dari RMC dan Pejabat VC, kami berangkat ke sana pada 7.2.2024 dengan menaiki pesawat Etihad Airways, syarikat penerbangan yang dimiliki oleh United Arab Emirate (UAE). Kami 'transit' di Abu Dhabi selama 24 jam dan diberi penginapan percuma oleh syarikat penerbangan tersebut. Di kesempatan ini kami mengambil peluang untuk melawat beberapa tempat menarik di Abu Dhabi dan Dubai. Antara tempat tersebut ialah Sheikh Zayed Grand Mosque, Qasr al Watan dan Burj Khalifa.




Dari kiri:

AP Dr. Abdulsamad Alazzani,
AP Dr. Imad (Ketua Program
Ijazah Perakaunan), PM Dr.
Marziana Madah Marzuki,
penulis, Dr. Wan Zurina Abdul
Majid, AP Dr. Sameh Ammar
dan AP Dr. Ousama Anam

Qasr al Watan

Qasr Al Watan ialah istana Presiden di Abu Dhabi yang berfungsi sebagai tempat pentadbiran kerajaan dan mercu tanda budaya megah. Lebih daripada sekadar istana tradisional, Qasr Al Watan dibina untuk memamerkan budaya negara UAE dan menekankan sejarahnya yang luar biasa. Istana ini berdiri sebagai ikon latar langit Abu Dhabi dengan reka bentuk yang direka indah untuk memberi penghormatan kepada warisan dan kesenian Arab.



Masjid Besar Sheikh Zayed

Masjid Besar Sheikh Zayed ialah tempat ibadat yang sangat besar. Ia dapat menampung lebih 40,000 pengunjung. Masjid ini merupakan yang terbesar di UAE dan ketiga terbesar di dunia. Ruang masjid meliputi 22,400 meter persegi, dewan solat utama pula boleh memuatkan lebih 7,000 jemaah, di samping dua ruang solat yang lebih kecil dengan kapasiti 1,500 untuk setiap ruang. Pembinaannya terdiri dari 100,000 tan marmar yang diimport dari negara Greek dan Macedonia.



Setelah berada selama 2 hari di Abu Dhabi, kami bertolak ke Doha pada 10 Februari 2024. Pada keesokan harinya, kami telah dijemput oleh rakan kolaborasi kami untuk berkunjung ke Qatar University, College of Business and Economics.

Pada malamnya, rakan kolaborasi telah menjemput kami untuk menaiki cruise bagi melihat dan menikmati keindahan bandar Doha pada waktu malam.



Pada malam terakhir sebelum kami berangkat pulang, rakan kolaborasi menjamu kami di restoran Yemen di mana ikan menjadi menu utama di restoren ini. Kami menikmati hidangan sambil berbincang berkenaan kemajuan penyelidikan .

Banyak perkara yang kami pelajari berkenaan ekonomi dan budaya sosial penduduk Qatar. Ia adalah antara negeri berpendapatan per kapita tertinggi di dunia, sebahagian besarnya disumbang oleh rizab minyak petroleum dan gas asli. Negara ini mempunyai ekonomi yang sangat maju dengan tumpuan yang kuat terhadap infrastruktur dan projek pembinaan. Qatar juga terkenal dengan sektor kewangan yang berkembang pesat dan pelaburan dalam pendidikan dan penjagaan kesihatan. Dari segi budaya, Qatar mempunyai warisan yang kaya berteraskan tradisi Badwi dan adat resam Islam. Negara ini terkenal dengan layanan mesra, muzik dan tarian tradisional serta seni yang meriah. Rakyat Qatar berbangga dengan warisan mereka dan sering meraikannya melalui acara dan perayaan. Layanan yang kami terima tidak dapat digambarkan dengan kata-kata dan sangat menakjubkan.

Kami meninggalkan Doha dengan seribu kenangan manis dan berhajat untuk kembali lagi ke sana. Setelah selesai tugas, kami berangkat pulang pada 12.2.2024 dan tiba di Kuala Lumpur pada 13.2.2024. Kami amat berterimakasih kepada pengurusan tertinggi UiTM dan QU yang memberi peluang untuk kami berkolaborasi dan berkunjung ke sana. Semoga hubungan ini berterusan dan mewujudkan jalinan kolaborasi berkekalan antara dua universiti dan dua negara.